

## Ketua Hakim Negara <sup>[1]</sup>



YAA Dato' Seri Utama Tengku Maimun binti Tuan Mat

Ketua Hakim Negara

SPSK, DUPN, DPSK

Yang Amat Arif Dato' Seri Utama Tengku Maimun binti Tuan Mat telah dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 02 Julai 1959. Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah lulus dalam bidang pengajian undang-undang dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1982.

Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah memulakan kerjaya dalam bidang perundangan pada tahun 1982

dengan bertugas sebagai Pegawai Undang-Undang di Lembaga Kemajuan Kelantan (KESEDAR) dan kemudian pada tahun 1984 sebagai Pegawai Undang-Undang di Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Yang Amat Arif mula memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada tahun 1986 sebagai Penolong Penggubal Undang-Undang, Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara. Seterusnya, Yang Amat Arif telah berkhidmat sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Port Dickson, Peguam Persekutuan di Biro Bantuan Guaman Kuala Terengganu, Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Seremban, Timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Pegawai Khas kepada YAA Hakim Besar Malaya, Pegawai Khas kepada YAA Ketua Hakim Negara, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur sambil menjalankan tugas sebagai Pegawai Khas kepada YAA Ketua Hakim Negara dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya sambil menjalankan tugas sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Jawatan terakhir Yang Amat Arif Dato' Seri Utama dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2005 hingga 2006.

Pada 02 Oktober 2006, Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Pada 05 September 2007, Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Yang Amat Arif Dato' Seri Utama juga pernah berkhidmat sebagai Hakim di Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam, Selangor.

Pada 08 Januari 2013, Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Pada 26 November 2018, Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan. Pada 02 Mei 2019, Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara.

Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dianugerahkan Darjah Seri Paduka Setia Mahkota Kelantan (SPSK) pada tahun 2016 yang membawa gelaran Dato' dan Darjah Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan (DPSK) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 2006. Pada 13 Julai 2019 Yang Amat Arif Dato' Seri Utama telah dianugerahkan Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Dato' Seri Utama.

Alamat :

Pejabat Ketua Hakim Negara

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Aras 5, Istana Kehakiman

Presint 3

62506 PUTRAJAYA



+603 8880 3500



+603 8880 5739

Hakcipta Terpelihara 2017 © Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tarikh Kemaskini Terkini 8 Ogos 2019

• Jumlah Pelawat:832,640

Links

[1] <http://melaka.kehakiman.gov.my/ms/mahkamah/mahkamah-persekutuan/ketua-hakim-negara>